Trienekens

# madah kita

A newsletter for Customers, Business Partners and Employees
*Berita untuk Pelanggan, Rakan Perniagaan dan Pekerja*

Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. (485296-V)

July - December 2017



## Shaping a sustainable workforce

## Trienekens transitions to ISO 9001: 2015

## Speaking up for Safety



# Chairman's Message
# *Warkah Pengerusi*

Mr. Jurgen Pickenhagen

Salam sejahtera!

Our company conducts its business of providing safe waste management solutions for our customers based on the principle of providing quality services and efficient business practices. As an ISO 9001 Quality Management System (QMS) certified company, it was with great pride that we successfully transitioned from the old 2008 standard to the new ISO 9001:2015 standard earlier this June. By achieving this level of certification I believe we can continue to demonstrate our ability and desire to effectively and efficiently maintain a quality management system while continuously improving our services as well as our internal processes.

It has been an exciting journey for me at Trienekens over the past 18 years, but as we look to the future and the Group's next phase of growth, I believe now is the right time to transition to new leadership. With that said, it gives me great pleasure to announce the appointment of Mr Stephen Chin Yun Chieh as Trienekens' Group Chief Executive Officer effective 1 January 2018, where he will be spearheading the management and operations of the Trienekens Group (Malaysia).

Prior to joining us, Stephen has held impressive senior leadership roles in major corporations including as Chief Executive Officer for X-FAB Sarawak Sdn Bhd and most recently, as Chief Operating Officer of PANSAR Berhad. A true visionary who will bring a unique, human-centred leadership approach to our corporate culture, operations and services, I am confident that he will unlock the highest potential of our people and our business, leading the Group through further development.

Notwithstanding my retirement, I look forward to share pride in the future achievements of the Trienekens Group in a more passive role as Advisor and member of the Board of Directors.

I would like to take this opportunity to thank all team members for your commitment and support throughout my active tenure – none of the successes we have enjoyed would have been possible without your dedication.

Thank you.

*Salam sejahtera!*

*Syarikat kita menjalankan perniagaan yang menyediakan penyelesaian mengurus sisa yang selamat untuk para pelanggan berdasarkan prinsip penyediaan perkhidmatan berkualiti dan amalan perniagaan yang efisien. Sebagai sebuah syarikat yang memiliki Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 diperakui, kita berbangga kerana telah beralih dari standard lama 2008 ke standard baru ISO 9001: 2015 pada bulan Jun. Dengan pensijilan baru ini, saya percaya kita akan terus membuktikan kebolehan dan hasrat kita untuk mengekalkan sistem pengurusan kualiti dengan efektif dan berkesan dan pada masa yang sama, memperbaiki perkhidmatan dan proses dalaman kita.*

*Perjalanan saya sepanjang 18 tahun dengan Trienekens adalah mengujakan. Namun, dalam kita memandang ke hadapan dan melihat fasa perkembangan Kumpulan seterusnya, saya percaya ini adalah masa yang sesuai untuk beralih kepada pimpinan baru. Oleh itu, saya amat berbesar hati mengumumkan perlantikan En. Stephen Chin Yun Chieh sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens bermula dari 1 Januari 2018, di mana beliau akan mengetuai pengurusan dan operasi Kumpulan Trienekens (Malaysia).*

*Sebelum ini, Stephen telah menerajui beberapa jawatan kanan di syarikat-syarikat besar termasuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif X-Fab Sarawak Sdn Bhd dan baru-baru ini, sebagai Ketua Pegawai Operasi PANSAR Berhad. Seorang yang berwawasan, beliau boleh membawa kepimpinan yang unik dan berfokuskan sumber manusia kepada budaya korporat, operasi dan perkhidmatan kita. Saya percaya beliau boleh menyerlahkan potensi terbaik dari pasukan dan perniagaan kita dan meningkatkan pembangunan Syarikat kita.*

*Walaupun saya akan bersara, saya tetap akan menantikan saat berkongsi kebanggaan dan pencapaian Pasukan Trienekens di masa hadapan dengan memegang peranan yang lebih pasif sebagai Penasihat dan anggota Lembaga Pengarah.*

*Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua anggota pasukan di atas komitmen dan sokongan anda sepanjang tempoh jawatan saya – segala kejayan yang telah kita nikmati tidak mungkin tercapai tanpa dedikasi anda semua.*

*Terima kasih.*

# CONTENTS / KANDUNGAN



**Madah Kita Editorial Team**

**Advisor / Penasihat:**
Katherine Kong

**Concept & Editorial / Konsep & Karangan:**
Julan Yu Abit
Janet J. Balong

**Contributors / Penyumbang:**
Anthea Lee
Behui Longe
Clare Kho
Muhammad Naufal bin Nahari
Valerie Tai

**Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat**

- Trienekens Receives PETRONAS SKO Award 02
  *Trienekens Terima Anugerah PETRONAS SKO*
- Trienekens Recertified With ISO 9001:2015 03
  *Trienekens Terima Pensijilan Semula ISO 9001:2015*
- Synergistic Efforts Towards Sustainable Development 05
  *Usaha Bersinergi Ke Arah Pembangunan Mampan*

**HSE**

- Emergency Evacuation And Fire Drill For KIWMP Staff 08
  *Dril Pemindahan Kecemasan Dan Kebakaran Untuk Staf KIWMP*
- Trienekens Staff Speak Up For Safety 09
  *Pasukan Trienekens Suarakan Untuk Keselamatan*
- Trienekens Staff Commit To ACT 12
  *Staf Trienekens Tekad Untuk ACT*

**Human Resources / Sumber Manusia**

- Improving Performance With Training & Development 13
  *Tingkatkan Prestasi Dengan Kursus Latihan & Pembangunan*
- Promoting Employee Engagement And Welfare 16
  *Menggalak Penglibatan Dan Kebajikan Pekerja*

**Special Feature / Rencana Khas**

- Giving Back To The Community 17
  *Menyumbang Kembali Kepada Komuniti*

**Our People / Rakan Sekerja Kita**

- Promotions / *Kenaikan Pangkat* 20
- New Team Members / *Tenaga Kerja Baru* 20

**Spot the Difference / Carikan Perbezaan** 21

# Trienekens Receives PETRONAS SKO Award

## Trienekens Terima Anugerah PETRONAS SKO




CONGRATULATIONS...Trienekens' Chief Operating Officer, Alice Lee (right) received the award from Anuar bin Ismail, Head of PCSB Sarawak Oil Asset.

*TAHNIAH...Ketua Pegawai Operasi Trienekens, Alice Lee (kanan) menerima anugerah dari Anuar bin Ismail, Ketua Aset Minyak PCSB Sarawak.*

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd was recently the winner of PETRONAS Carigali – Sarawak Oil's (SKO) "Contractor Appreciation Award 2017" under the "Improved Performance" category.

Held in conjunction with PETRONAS' contractors HSE engagement session in Miri, Trienekens was among 9 local oil and gas service companies who received an award under various categories, which aim to recognise PETRONAS SKO contractors for their exemplary performance and service delivery throughout the past year. Trienekens' Chief Operating Officer, Alice Lee received the award on behalf of the company.

*Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd baru-baru ini telah memenangi "Anugerah Penghargaan Kontraktor 2017" Sarawak Oil (SKO) PETRONAS Carigali di bawah kategori "Peningkatan Prestasi".*

*Diadakan sempena sesi penglibatan HSE kontraktor PETRONAS di Miri, Trienekens merupakan salah satu daripada sembilan buah syarikat perkhidmatan minyak dan gas yang menerima anugerah di bawah beberapa kategori. Ia bertujuan untuk memperakui prestasi dan khidmat penghantaran cemerlang dari para kontraktor PETRONAS SKO sepanjang tahun ini. Ketua Pegawai Operasi Trienekens, Alice Lee telah menerima anugerah bagi pihak syarikat.*

# Trienekens Recertified With ISO 9001:2015

## Trienekens Terima Pensijilan Semula ISO 9001:2015



ALL SMILES... The company's Internal Quality Audit Team led by HSE Senior Manager, Harris Michael (standing 7th left) and Department Manager of Quality & Licensing, Valerie Tai (standing 5th right) after receiving the recertification.

*DENGAN SENYUMAN...Pasukan Audit Kualiti Dalaman syarikat diketuai oleh Pengurus Kanan HSE, Harris Michael (berdiri ke-7 kiri) dan Pengurus Jabatan Kualiti & Perlesenan, Valerie Tai (berdiri ke-5 kanan) selepas menerima pensijilan semula.*

Following a recertification audit conducted by ISO 9001 external certification body AJA EQS Certification (M) Sdn Bhd earlier this year, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd successfully transitioned its Quality Management System (QMS) from the old 2008 standard to the new ISO 9001:2015 standard in June 2017; with the scope of certification covering the Collection, Transportation, Disposal & Storage of Municipal, Domestic, Commercial, Industrial and Scheduled Waste.

"Trienekens first achieved certification of the ISO 9001 standard in 2002 as a pledge to provide high-quality services to our valued customers," said Trienekens Chairman, Jurgen Pickenhagen. "Successfully achieving our transition to the ISO 9001:2015 standard demonstrates our continued commitment to customer satisfaction, and is an assurance to our customers that we will continue to generate consistent results using controlled processes."

Pickenhagen also congratulated the company's internal audit team for smoothly implementing the new standard, adding that he was pleased the organisation had performed the transition effectively, including the establishment of a defined business risk management process.

ISO 9001 is the world's most widely recognised Quality Management Standard and helps organisations to meet the expectations and needs of their customers. To obtain an ISO 9001:2015 certification, a company must demonstrate that it practices evidence-based decision making; addresses risks and opportunities in a methodical manner; and ensures that quality policies and quality objectives established for the QMS are compatible with the context and strategic direction of the organisation.





Besides reviewing the company's existing procedures and aligning them with the new requirements, the QMS working committee organised various workshops, trainings, awareness briefings and on-site assessments in order to facilitate the transition exercise.

*Selain meneliti prosedur-prosedur syarikat dan memastikan ia selari dengan keperluan-keperluan baru, jawatankuasa kerja QMS menganjurkan beberapa bengkel, kursus-kursus, taklimat kesedaran dan penilaian-penilaian di tapak bagi memudahkan usaha-usaha peralihan.*

*Susulan audit pensijilan semula yang dijalankan oleh badan pensijilan luar ISO 9001, AJA EQS Certification (M) Sdn Bhd awal tahun ini, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd dengan jayanya telah beralih dari standard lama 2008 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) kepada standard yang baru ISO 9001:2015 pada Jun 2017; merangkumi skop Kutipan, Pengangkutan, Pelupusan & Penyimpanan Sisa Munisipal, Tempatan, Komersil, Industri dan Terjadual.*

*"Pertama kali Trienekens menerima pensijilan standard ISO 9001 adalah pada tahun 2002 dan ia merupakan ikrar untuk memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada para pelanggan yang dihargai," kata Pengerusi Trienekens, Jurgen Pickenhagen. "Kejayaan peralihan ini menunjukkan komitmen berterusan kita untuk mencapai kepuasan pelanggan, dan memberikan keyakinan kepada para pelanggan bahawa kita akan terus menghasilkan keputusan yang konsisten melalui proses-proses terkawal."*

*Pickenhagen juga mengucapkan tahniah kepada pasukan audit dalaman syarikat kerana telah berjaya melaksanakan standard baru tersebut sambil mengatakan beliau amat berbangga kerana organisasi telah berjaya membuat peralihan tersebut dengan efektif, termasuk menetapkan proses pengurusan risiko perniagaan yang terperinci.*

*ISO 9001 merupakan Standard Pengurusan Kualiti yang paling dikenali di dunia dan ia membantu organisasi mencapai jangkaan dan keperluan pelanggan mereka. Untuk mendapatkan pensijilan ISO 9001:2015, sesebuah syarikat itu perlu menunjukkan ia mengamalkan proses membuat keputusan berdasarkan bukti; menangani risiko-risiko dan peluang-peluang dengan cara teratur; dan memastikan polisi-polisi dan objektif-objektif kualiti QMS bersesuaian dengan konteks dan arah tuju strategik organisasi.*



COMMITTED... The company's senior Management attended a special awareness training on ISO 9001:2015 prior to the recertification.

*KOMITED...Pengurusan kanan syarikat menghadiri kursus kesedaran khas tentang ISO 9001 : 2015 sebelum pensijilan semula.*

# Synergistic Efforts Towards Sustainable Development

## Usaha Bersinergi Ke Arah Pembangunan Mampan

In supporting the development of environmental awareness, green technology and improved waste management systems, Trienekens actively works together with fellow industry and trade members, as well as public authorities and clients. The company recently came together with several different associates in joint efforts involving information and experience sharing to further improve development effectiveness as well as corporate relations.

*Sebagai usaha menyokong perkembangan kesedaran alam sekitar, teknologi hijau dan pembaikan sistem pengurusan sisa, Trienekens bekerjasama secara aktif dengan rakan-rakan industri dan ahli-ahli perniagaan termasuk pihak berkuasa dan pelanggan-pelanggan. Baru-baru ini syarikat telah bergabung tenaga dengan beberapa rakan dalam usaha perkongsian maklumat dan pengalaman untuk memperbaiki keberkesanan dan hubungan korporat.*



The Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) recently welcomed a special delegation from Sarawak's neighbouring State, Sabah in a familiarisation visit of the facility. Trienekens' Chairman, Jurgen Pickenhagen is pictured here (3rd right), handing over a Sarawak-memorabilia to Sabah State Secretary, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti bin Wakiman while Kota Kinabalu Mayor, Datuk Yeo Boon Hai (2nd left) and other invited guests look on. The half-day visit was primarily to view how advanced waste management technologies for municipal and hazardous waste are operated in Sarawak's capital.

*Kuching Waste Management Park (KIWMP) baru-baru ini telah menerima kunjungan delegasi dari negeri jiran, Sabah yang bertujuan untuk mempelajari tentang kemudahan tersebut. Pengerusi Trienekens, Jurgen Pickenhagen dilihat (ke-3 kanan) menyerahkan satu cenderahati Sarawak kepada Setiausaha Negeri Sabah, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti bin Wakiman sambil diperhatikan oleh Datuk Bandar Yeo Boon Hai (ke-2 kiri) dan tetamu-tetamu lain. Lawatan separuh hari tersebut tertumpu kepada penggunaan teknologi pengurusan sisa municipal dan berbahaya terkini yang dilaksanakan di ibu negeri Sarawak.*



Permanent Secretary of the Ministry of Local Government & Housing, Bakrie Zaini (centre) was recently in KIWMP for a meeting and site visit. On hand to welcome him were Trienekens' Chairman, Jurgen Pickenhagen (3rd right) and other senior management staff.

*Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Bakrie Zaini (tengah) baru-baru ini berada di KIWMP untuk sesi mesyuarat dan lawatan tapak. Beliau disambut oleh Pengerusi Trienekens, Jurgen Pickenhagen (ke-3 kanan) dan anggota pengurusan kanan lain.*



Trienekens' Bintulu Branch Division Manager, Patricia Susie Nyisong (2nd left) and General Manager of Treatment & Disposal, Simon Chow (extreme right) recently led a meeting with OCIM Sdn Bhd's Safety & Health Department at KIWMP.

*Pengurus Bahagian Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong (ke-2 kiri) dan Pengurus Besar, Rawatan & Pelupusan, Simon Chow (hujung kanan) mengetuai mesyuarat bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan OCIM Sdn Bhd di KIWMP.*



Representatives from the Ministry of Health, together with One Medicare Sdn Bhd are pictured here with HWI Department Manager, Geoji Jusua (3rd right) during a visit by the former to KIWMP for an operations briefing and technical tour of the Park's facilities.

*Wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan dan One Medicare Sdn Bhd bergambar dengan Pengurus Jabatan HWI, Geoji Jusua (ke-3 kanan) selepas taklimat operasi dan lawatan teknikal mereka di tapak kemudahan KIWMP.*

The company also recently hosted members of the Sarawak Electronics and Supporting Industries Companies Association (SECA) in a familiarisation visit of KIWMP over two separate sessions. The programme aimed at providing participants with an insight into the management of household and scheduled waste. They were led by Trienekens' Senior Business Development Executive, Timothy Marimuthu (extreme right).

*Syarikat juga menerima kunjungan ahli-ahli Persatuan Syarikat Elektronik dan Industri Sokongan Sarawak (SECA) dalam dua sesi berasingan. Lawatan tersebut bertujuan mendedahkan peserta kepada pengurusan sisa perumahan dan terjadual. Mereka diiring oleh Eksekutif Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan, Timothy Marimuthu (hujung kanan).*





Visitors from PETRONAS Group Procurement, Project Delivery & Technology were recently at KIWMP for an engagement session in order to better understand Trienekens' operations with regards to scheduled waste management. Department Manager for Business Development (Scheduled Waste), Jeremy Sim (2nd right) headed the discussion.

*Para pelawat dari Kumpulan Perolehan, Penyerahan Projek & Teknologi PETRONAS baru-baru ini berada di KIWMP menghadir satu sesi perbincangan bagi memahami operasi pengurusan sisa terjadual Trienekens. Perbincangan tersebut diketuai oleh Pengurus Jabatan Pembangunan Perniagaan (Sisa Terjadual) Jeremy Sim (ke-2 kanan).*

## Celebrating National Environment Day
## Menyambut Hari Alam Sekitar Negara





(Left photo) Trienekens' Chief Operating Officer, Alice Lee (standing, centre) with State DOE Director Mohd Hidzir bin Bakar (2nd right), invited guests and prize winners of the "Making New Out Of Old" contest. (Right photo) Deputy Chief Minister, YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan, who is also Second Minister of Urban Development and Natural Resources (2nd left) at Trienekens' booth during the National Environment Day celebration. He is pictured with (from left) Trienekens' HWI Department Manager, Geoji Jusua; NREB Controller (Environmental Quality), Peter Sawal; and Trienekens' Environment R&D Division Manager, Dayang Sherrynazra bt Awg Sharkawi.

*(Foto kiri) Ketua Pegawai Operasi, Alice Lee (berdiri, tengah) bersama Pengarah JAS Negeri Sarawak, Mohd Hidzir bin Bakar (ke-2 kanan), tetamu jemputan dan para pemenang pertandingan "Making New Out of Old". (Foto kanan) Timbalan Ketua Menteri, YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan (ke-2 kiri), yang juga Menteri Muda Pembangunan Bandar dan Sumber Asli berada di tapak pameran Trienekens sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara. Beliau bergambar bersama (dari kiri) Pengurus Jabatan HWI Trienekens, Geoji Jusua; Kontroller (Kualiti Alam Sekitar) NREB, Peter Sawal dan Pengurus Bahagian R&D Alam Sekitar Trienekens, Dayang Sherrynazra bt Awang Sharkawi.*

For the second consecutive year, Trienekens joined the Department of Environment (DOE) in hosting several events in conjunction with the state-level celebration of National Environment Day. The company's signature recycling contest "Making New Out Of Old", which was hosted this year by the Department, Trienekens and the Sarawak Skills Development Centre (PPKS) attracted 18 groups from both public and private institutes of higher learning.

State DOE Director, Mohd Hidzir bin Bakar, who officiated the prize-giving ceremony, explained that the programme's objective was to instil the importance of recycling old items in order to preserve and protect the environment. He added that the overwhelming response for this year's event indicated that more students were aware and interested in environmental awareness and the importance of recycling.

The winning creations were later displayed at the official state-level National Environment Day, which was held at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) in late October 2017. Besides being a corporate sponsor, Trienekens also hosted an exhibition booth with informative and interactive booth activities.

*Untuk kedua kalinya, Trienekens telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan menganjurkan beberapa acara sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara peringkat negeri.*

*Pertandingan kitar semula eksklusif syarikat "Making New Out of Old", yang dianjurkan bersama dengan JAS, Trienekens dan Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) telah menarik penyertaan 18 kumpulan dari institut pendidikan tinggi awam dan swasta.*

*Pengarah JAS Negeri, Mohd Hidzir bin Bakar, yang merasmikan acara tersebut menerangkan bahawa objektif program tersebut adalah untuk memupuk kesedaran tentang pentingnya mengitar semula barangan lama supaya alam sekitar dapat dipelihara dan dilindungi. Tambah beliau, maklumbalas yang menggalakkan dari para pelajar tahun ini menunjukkan bahawa semakin ramai pelajar yang sedar dan berminat di dalam aktiviti mengitar semula.*

*Bahan ciptaan para pemenang kemudiannya dipamerkan di sambutan rasmi Hari Alam Sekitar Negara peringkat negeri di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada akhir Oktober 2017. Selain menjadi penaja korporat, Trienekens juga mengadakan booth pameran lengkap dengan aktiviti-aktiviti bermaklumat dan interaktif.*

# Emergency Evacuation And Fire Drill For KIWMP Staff

## Dril Pemindahan Kecemasan Dan Kebakaran Untuk Staf KIWMP




Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd regularly carries out fire risk assessments in accordance with the company's Health, Safety & Environment (HSE) policies. In addition to having an enacted fire management plan in place, fire risk assessments also include identification of fire hazards as well as the persons most at risk from fire, besides ways in which to minimise such risks.

To further cultivate a "safety as priority" mindset amongst all staff; the company recently conducted a fire and emergency evacuation drill together with the Fire and Rescue Department (FRD/BOMBA) Siburan Branch, at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) in Mambong.

While KIWMP's internal Emergency Response Team was mobilised to control the simulated fire spots pending the arrival and assistance of the FRD, area supervisors coordinated the evacuation of all other facility staff to the designated emergency assembly points. The drill, which was organised under the observation of Trienekens' HSE Division and Senior FRD Officers, ended with an assessment of the exercise and a fire safety refresher briefing.

*Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd kerap menjalankan penilaian risiko kebakaran selari dengan polisi-polisi Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) syarikat. Selain mewujudkan pelan mengurus kebakaran, penilaian risiko kebakaran juga melibatkan aktiviti mengenal pasti bahaya-bahaya kebakaran termasuk pekerja-pekerja yang mudah terdedah kepada risiko kebakaran dan cara-cara untuk mengurangkan risiko-risiko tersebut.*

*Bagi memupuk mentaliti "keselamatan adalah keutamaan" di kalangan staf, syarikat telah menjalankan dril kebakaran dan pemindahan kecemasan bersama dengan Jabatan BOMBA dan Penyelamat Cawangan Siburan di Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) di Mambong.*

*Sementara menunggu ketibaan dan bantuan pihak BOMBA, Pasukan Respons Kecemasan KIWMP telah digerakkan untuk mengawal punca kebakaran dan penyelia kawasan pula memindahkan para pekerja kemudahan ke tapak perhimpunan kecemasan yang telah ditetapkan. Dril yang dijalankan di bawah pemerhatian para pegawai Bahagian HSE Trienekens dan BOMBA diakhiri dengan satu sesi penilaian dan taklimat ulang kaji keselamatan kebakaran.*



FRD Officers putting out residual fire spots
*Pegawai BOMBA memadamkan punca kebakaran.*



An Emergency Response Team member conducts a headcount to ensure all personnel are safely evacuated.
*Seorang anggota Pasukan Respons Kecemasan membuat kiraan memastikan semua pekerja dipindahkan dengan selamat.*

# Trienekens Staff Speak Up For Safety

## Pasukan Trienekens Suarakan Untuk Keselamatan



OUTSTANDING... The Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) Maintenance Department received the "Best Overall Performance in HSE Award". Department Manager, Christo Michael (left) received the award from Chief Operating Officer, Alice Lee.

*CEMERLANG... Jabatan Penyelenggaraan KIWMP telah dianugerahkan "Prestasi HSE Terbaik Keseluruhan". Pengurus Jabatan, Christo Michael (kiri) menerima anugerah tersebut.*



WELL DONE... The Logistics & Services Division were accorded a special award for achieving 500,000 Safe Man-Hours for the year 2016/2017. Senior Manager, Sarius Lee (left) received the award from Chief Operating Officer, Alice Lee.

*TAHNIAH... Wakil Bahagian Logistik & Perkhidmatan, Pengurus Kanan Sarius Lee (kiri) menerima "Anugerah Khas Pencapaian 500,000 Jam-Manusia Selamat" dari Ketua Pegawai Operasi, Alice Lee.*

Employees of Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd in Kuching and Bintulu recently celebrated the company's annual Health, Safety & Environment (HSE) Week, themed this year as "Speak Up For Safety".

The event aimed to highlight the importance of continuously maintaining a strong Safety culture at work and remind team members that Health, Safety and the Environment is everybody's responsibility. The week-long celebration included health screenings, a blood donation drive as well as refresher training sessions of the company's Accident Control Technique (ACT) programme, culminating with a special HSE Day event at the company's Kuching head office and Bintulu branch.

Trienekens' Chief Operating Officer, Alice Lee officiated the event in Kuching and later presented special excellence awards to Trienekens' outstanding groups and individuals for their past year's HSE performance.

The awards for "Outstanding Safe (Municipal Waste) Team Performance" were presented to Suhaili bin Yusof and his team members Kempus Kawong and Kasuma bin Osman; Mira Jambau and his team members William Tanggang Jambuh and Musa bin Tan; as well as Samuel Suwer and his team members Edi bin Sa'ee and Ariton Bush Ling. Meanwhile, Halmai bin Ogik was the proud recipient of the "Outstanding Safe Driving (RoRo) Performance" award. In Bintulu, the individual award for "Outstanding HSE Performance" went to Sampai Aloh.

From the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP), Martinez Miller received the "Outstanding Safe Performance in Non-Scheduled Waste Operations" award, while Medakariensis Rijos was presented with the "Outstanding Safe Performance in Scheduled Waste Operations" award.

Meanwhile, the awards for "Outstanding Safe Long Haul Driving Performance" were presented to Awang Helmi bin Awang Putit, Awang Ramzi bin Awang Jubeli and Rita Jeli.

A special award for achieving 500,000 Safe Man-Hours for the year 2016/2017 was presented to the Kuching Logistics & Services Division; while the coveted "Best Overall Performance in HSE" award went to the KIWMP Maintenance Department.



EXCELLENT... Group Finance & HR General Manager, Tan Show Boon (2nd left) presented (from right) Awang Helmi bin Awang Putit, Awang Ramzi bin Awang Jubeli and Rita Jeli with the "Outstanding Safe Long Haul Driving Performance Award".

*CEMERLANG... Pengurus Besar Kewangan dan Sumber Manusia, Tan Show Boon (kedua kiri) menyampaikan anugerah "Prestasi Keselamatan Cemerlang Pemanduan Jarak Jauh" kepada (dari kanan) Awang Helmi bin Awang Putit, Awang Ramzi bin Awang Jubeli dan Rita Jeli.*




General Manager of Treatment & Disposal, Simon Chow flanked by Kuching Integrated Waste Management Park HSE excellence award winners Martinez Miller (left) and Medakariensis Rijos.

*Pengurus Besar Rawatan & Pelupusan, Simon Chow (tengah) bersama penerima anugerah Kuching Integrated Waste Management Park, Martinez Miller (kiri) dan Medakariensis Rijos.*



In Bintulu, Division Manager, Patricia Susie Nyisong (right) presented the "Outstanding HSE Performance Award" to Sampai Aloh.

*Di Bintulu, Pengurus Bahagian, Patricia Susie Nyisong (kanan) telah menyampaikan anugerah "Prestasi HSE Terbaik (Cawangan Bintulu)" kepada Sampai Aloh.*

*Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd baru-baru ini telah menyambut Minggu Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) syarikat. Bertemakan "Suarakan Untuk Keselamatan", acara tahunan tersebut menekankan kepentingan mengamalkan budaya selamat di tempat kerja agar kecederaan dan insiden dapat dielakkan. Acara seminggu tersebut melibatkan program saringan kesihatan pekerja, ceramah keselamatan dan kempen menderma darah.*

*Kemuncak sambutan diakhiri dengan majlis istimewa bertempat di ibu pejabat Trienekens di Kuching, di mana Anugerah Kecemerlangan HSE syarikat telah disampaikan kepada individu-individu dan kumpulan pekerja yang telah berjaya menunjukkan prestasi pengamalan HSE yang cemerlang di tempat kerja.*

*Anugerah "Prestasi Keselamatan Cemerlang Berpasukan (Sisa Perbandaran)" disampaikan kepada tiga pasukan terbaik iaitu; Suhaili bin Yusof bersama Kempus Kawong dan Kasuma bin Osman; Mira Jambau bersama William Tanggang Jambuh dan Musa bin Tan; serta Samuel Suwer, Edi bin Sa'ee dan Ariton Bush Ling.*

*Halmai bin Ogik pula menerima anugerah "Prestasi Pemanduan Selamat Cemerlang (RoRo)" manakala di Bintulu, anugerah "Prestasi HSE Cemerlang" diraih oleh Sampai Aloh.*

*Dari Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP); anugerah "Prestasi Keselamatan Cemerlang Operasi Sisa Bukan Terjadual" telah dimenangi oleh Martinez Miller, sementara anugerah "Prestasi Keselamatan Cemerlang Operasi Sisa Terjadual" telah diterima oleh Medakariensis Rijos.*

*Anugerah "Prestasi Keselamatan Cemerlang Pemanduan Jarak Jauh" pula disampaikan kepada Awang Helmi bin Awang Putit, Awang Ramzi bin Awang Jubeli dan Rita Jeli.*

*Dua anugerah prestasi HSE tertinggi syarikat iaitu "Anugerah Khas Pencapaian 500,000 Jam Bekerja Tanpa Kemalangan" dan "Prestasi HSE Terbaik Keseluruhan" telah dimenangi oleh Bahagian Logistik & Perkhidmatan Kuching, dan Jabatan Penyelenggaraan KIWMP. Kedua – dua anugerah tersebut disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi Trienekens, Alice Lee.*




"Outstanding Safe Driving (RoRo) Performance Award" recipient Halmai bin Ogik (right) with Senior Manager of HSE, Harris Michael.

*Halmai bin Ogik (kanan) menerima anugerah "Prestasi Pemanduan Selamat Cemerlang (RoRo)" dari Pengurus Kanan HSE, Harris Michael.*




"Outstanding Safe Team (Municipal Waste) Performance Award" winners... (seated from left) Samuel Suwer, Mira Jambau and Suhaili bin Yusof with (standing from left) Edi bin Sa'ee, Ariton Bush Ling, William Tanggang Jambuh, Musa bin Tan, Kempus Kawong and Kasuma bin Osman as well as Senior Manager of Logistics & Services, Sarius Lee (standing far right).

*Pengurus Kanan Bahagian Logistik & Perkhidmatan, Sarius Lee (berdiri hujung kanan) bersama pemenang anugerah "Prestasi Keselamatan Cemerlang Berpasukan (Sisa Perbandaran)" – (duduk, dari kiri) Samuel Suwer, Mira Jambau dan Suhaili bin Yusuf serta (berdiri, dari kiri) Edi bin Sa'ee, Ariton Bush Ling, William Tanggang Jambuh, Musa bin Tan, Kempus Kawong dan Kasuma bin Osman.*




SPEAKING UP FOR SAFETY... Trienekens' management and staff group together at the company's HSE Day in Kuching.
*SUARAKAN UNTUK KESELAMATAN... Kakitangan Trienekens yang hadir pada upacara penutupan Minggu HSE di Kuching.*

# Trienekens Staff Commit To ACT

## Staf Trienekens Tekad Untuk ACT




Trienekens' Group Deputy Chief Executive Officer, Elvin Wee (seated, 3rd left) recently launched a company-wide ACT Campaign for all staff, where he also signed a commitment pledge to safety on behalf of the management.

*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (duduk ke-3 kiri) telah melancarkan Kempen ACT tersebut kepada semua staf dan beliau juga telah menandatangani ikrar keselamatan bagi pihak pengurusan.*

Many workplace accidents are caused by unsafe acts and unsafe conditions. Unsafe acts are actions that may cause injury to oneself or others, property damage or negative environmental impacts through the violation of established HSE rules/regulations, procedures, work instructions and practices. Meanwhile, unsafe conditions are situations directly or indirectly caused by the action or inaction of employees. By eliminating unsafe acts and conditions, the possibility of these unsafe acts or conditions developing further to manifest into incidents and accidents can be prevented.

A proactive accident prevention method based on this principle, the Accident Control Technique or "ACT", aims to identify and eliminate unsafe acts and unsafe conditions through a two-way communication flow on safety matters, at all levels. The technique encourages employees to actively intervene by reporting any unsafe acts and conditions at the workplace using ACT cards. To ensure the system is understood, employees undergo briefing sessions on the proper use of the ACT cards; while the company's HSE Division is responsible for monitoring and addressing the highlighted issues.

*Kebanyakan daripada kemalangan di tempat kerja berpunca dari tindakan-tindakan dam keadaan-keadaan yang tidak selamat. Tindakan-tindakan yang tidak selamat mungkin akan menyebabkan kecederaan kepada diri atau orang lain, kerosakan harta benda atau kesan negatif ke atas alam sekitar hasil dari pelanggaran peraturan, prosedur, arahan kerja dan amalan-amalan HSE. Keadaan tidak selamat pula disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh situasi yang disebabkan oleh tindakan atau ketiadaan tindakan para pekerja. Dengan menghapuskan tindakan dan keadaan tidak selamat, kemungkinan berlakunya sebarang kejadian atau kemalangan dapat dielakkan.*

*Teknik Kawalan Kemalangan atau "ACT" adalah satu pendekatan pencegahan kemalangan proaktif berdasar prinsip tersebut dan ia bertujuan untuk mengenal pasti dan menghapuskan tindakan-tindakan dan keadaan-keadaan tidak selamat melalui aliran komunikasi dua hala tentang isu-isu keselamatan pada semua peringkat. Teknik ini menggalakkan para pekerja menghalang kemalangan secara aktif dengan melaporkan sebarang tindakan dan keadaan tidak selamat di tempat kerja dengan menggunakan kad ACT. Bagi memastikan sistem tersebut difahami, para pekerja menghadiri sesi-sesi taklimat tentang cara mengguna kad ACT dengan betul; sementara Bahagian HSE bertanggungjawab memantau dan menangani isu-isu yang berbangkit.*

# Improving Performance With Training & Development

## Tingkatkan Prestasi Dengan Kursus Latihan & Pembangunan

Training presents a prime opportunity to expand the knowledge base of all employees, providing both the employer and employees with benefits that make it a worthwhile investment. Effective training and development programmes ensure that employees stay current, and have consistent experience as well as background knowledge. In promoting employee development and growth, Trienekens' Human Resources Division recently organised a series of training programmes to best address the different needs of Trienekens' staff.

*Kursus latihan memberikan peluang kepada para pekerja meluaskan pengetahuan dan memberikan faedah kepada kedua-dua majikan dan pekerja, menjadikan ia satu pelaburan yang berfaedah. Program latihan dan pembangunan yang efektif akan memastikan para pekerja sentiasa peka dengan aliran semasa dan mempunyai pengalaman dan pengetahuan latar yang konsisten. Bagi menggalakkan pembangunan dan perkembangan pekerja, Bahagian Sumber Manusia Trienekens baru-baru ini telah menjalankan beberapa jenis program latihan yang memenuhi keperluan staf Trienekens yang berbeza.*

### Cultivating Customer Service Excellence

### Memupuk Kecemerlangan Khidmat Pelanggan




With today's evolving demands of customers in an increasingly competitive market; providing excellent customer service can give organisations a competitive advantage over their competitors. With this in mind, a group of Trienekens staff recently attended a training entitled "Customer Service Excellence". Modules included dealing with difficult people resourcefully to create solutions; managing emotions effectively under stressful situations; building instant rapport with customers; constructively handling customer complaints and communicating effectively, among others. The training was conducted by SMT Learning Solutions trainer, Luke Bong – a certified professional trainer by the International Professional Managers Association (IPMA), UK.

*Dengan tuntutan para pelanggan yang berkembang di dalam pasaran yang kian kompetitif hari ini, penyediaan khidmat pelanggan yang cemerlang akan memberikan kelebihan kepada organisasi berbanding dengan pesaing-pesaing lain. Lantaran itu, sekumpulan staf Trienekens telah menghadiri satu kursus latihan "Kecemerlangan Khidmat Pelanggan" baru-baru ini. Modul latihan merangkumi cara menangani pelanggan yang cerewet dengan menyediakan penyelesaian dengan sumber sedia ada; menangani emosi dengan efektif dalam keadaan tegang; membina hubungan segera dengan pelanggan, menangani aduan pelanggan dengan membina dan berkomunikasi secara efektif. Kursus latihan tersebut dikendalikan oleh pelatih SMT Learning Solutions, Luke Bong – seorang pelatih profesional diiktiraf oleh Persatuan Pengurus Profesional Antarabangsa (IPMA), UK.*

## Mercedes-Benz Training By Hap Seng Star / Kursus Mercedes-Benz Oleh Hap Seng Star




Kuching Logistics & Services Division prime mover drivers Rosly Jingei (3rd left) and Charling Nais (7th right) were selected to attend a special training programme hosted by Hap Seng Star Sdn Bhd. The two-day training course focused on theoretical and practical applications of safe driving techniques and preventive maintenance specific to Mercedes-Benz commercial vehicles.

*Pemandu prime mover Bahagian Logistik & Servis Kuching, Rosly Jingei (ke-3 kiri) dan Charling Nais (ke-7 kanan) telah dipilih menghadiri satu program latihan khas anjuran Hap Seng Star Sdn Bhd. Kursus dua hari tersebut tertumpu kepada aplikasi teori dan praktikal berkenaan teknik-teknik pemanduan selamat dan penyelenggaraan pencegahan khusus untuk kenderaan komersil Mercedes-Benz.*

## Training By HINO / Latihan Oleh HINO

Logistics Maintenance staff (from left) Liew Yiew Lin, Favien Novia Georg and Gilven Tini recently attended a two-day training programme at the HINO Training Centre in Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. The training, which was specific to the mechanical maintenance of HINO's Chassis and Brake System for commercial vehicles, involved both classroom and practical sessions.

*Staf Penyelenggaraan Logistik (dari kiri) Liew Yiew Lin, Favien Novia Georg dan Gilven Tini menghadiri satu kursus dua hari di Pusat Latihan HINO di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Latihan yang dikendalikan melalui sesi kelas dan praktikal, menjurus kepada penyenggaraan Sistem Casis dan Brek HINO.*



## Driving Home The Importance Of Safety / Menekankan Kepentingan Keselamatan



Participants of the training with Department Manager of Logistics Operations II, Hilary Empati (standing 4th left) and SIPCO trainers.
*Para peserta bersama Pengurus Jabatan Operasi Logistik III, Hilary Empati (berdiri ke-4 kiri) dan pelatih-pelatih SIPCO.*

A special defensive driving training for heavy vehicles was recently organised for selected team members of Trienekens' scheduled waste logistics operations. The full-day course was conducted by road safety specialist SIPCO Sdn Bhd; a consultant company that focuses on practical and proven solutions to help organisations realise their aim of zero road traffic incidents. The syllabus, which included both classroom and on-the-road evaluations specifically for heavy vehicles covered driving risk management, active defensive driving techniques, driving in critical and emergency situations, as well as proactive vehicle inspections and general maintenance.

*Anggota pasukan sisa terjadual Logistik Trienekens baru-baru ini menyertai satu kursus pemanduan berhemat khas untuk kenderaan berat. Program tersebut dikendalikan oleh pakar keselamatan jalanraya Sipco Sdn Bhd; sebuah syarikat perunding yang menekankan penyelesaian praktikal dan terbukti dalam membantu organisasi mencapai kemalangan sifar. Sukatan kursus dibahagikan kepada sesi kelas dan penilaian praktikal atas jalanraya dan merangkumi pengurusan risiko pemanduan, teknik-teknik pemanduan berhemah aktif, memandu dalam situasi kritikal dan kecemasan, serta kepentingan memeriksa kenderaan.*





SIPCO's training included practical and classroom sessions that covered modules on vehicle inspection, driving hazards identification, driving to avoid obstacles and more.

*Latihan SIPCO melibatkan sesi praktikal dan kelas merangkumi modul-modul seperti pemeriksaan kenderaan, mengenal pasti bahaya-bahaya semasa memandu, cara-cara mengelak halangan dan sebagainya.*

# Promoting Employee Engagement And Welfare
## Menggalak Penglibatan Dan Kebajikan Pekerja

Besides training and development programmes, Trienekens' employee welfare benefits include work performance incentives, excellent healthcare packages, as well as staff social activities and events.

*Selain program latihan dan pembangunan, faedah kebajikan pekerja Trienekens merangkumi insentif prestasi kerja, pakej-pakej kesihatan yang baik dan aktiviti-aktiviti serta acara-acara sosial untuk para staf.*

### 2017 Staff Welfare Fund (SWF) Education Incentive For Excellent Examination Results / Insentif Pendidikan Keputusan Peperiksaan Cemerlang SWF 2017

| Student Name / Nama Pelajar | Examination & Results / Peperiksaan & Keputusan | Parent / Ibubapa | Designation & Department / Jawatan & Bahagian |
|---|---|---|---|
| Nursuhaimah bt Mohd Ridzuan | PT3 - 8A | Mohd Ridzuan bin Abdullah | Driver - Kuching Logistics<br>*Pemandu - Logistik Kuching* |
| Harvy Ixzy bin Halix | PT3 - 6A | Halix bin Kuyong | Department Manager, Logistics & Services III<br>*Pengurus Jabatan, Logistik & Servis III* |
| Conie Samuel | UPSR - 3A | Samuel Suwer | Driver - Kuching Logistics<br>*Pemandu - Logisik Kuching* |
| Monica Michealinda Para | UPSR - 3A | Para Kaya | Supervisor - Logistics & Services<br>*Penyelia, Logistik & Servis* |

### Promoting Employee Wellness / Galakkan Kesejahteraan Pekerja





SCORE! 10 teams comprising of the company's Kuching Logistics and KIWMP staff recently competed in Trienekens' Annual Futsal League. The event ended with Kuching Logistics making a clean sweep of all top three prizes with Team Kronos 2.0 being crowned champion, and Kempus Kawong of team Nakdari FC receiving the "Top Scorer" award. Environment R&D Division Manager, Dayang Sherrynazra bt Awg Sharkawi gave away the prizes.

*GOL! 10 pasukan dari Bahagian Logistik Kuching dan KIWMP baru-baru ini telah bertembung di dalam Liga Tahunan Futsal Trienekens. Acara tersebut menyaksikan kumpulan Logistik Kuching merangkul semua ketiga-tiga hadiah utama dengan Pasukan Kronos 2.0 muncul sebagai juara, dan Kempus Kawong dari pasukan Nakdari FC menerima anugerah "Top Scorer". Semua hadiah disampaikan oleh Pengurus Bahagian R&D Alam Sekitar, Dayang Sherrynazra bt Awang Sharkawi.*



About 50 Trienekens staff joined in "tHe Spring's Live Active Run" earlier in July under various categories. Organised by tHe Spring Shopping Mall, the annual outdoor event aims to encourage people from all walks of life to get together and have fun while promoting health and fitness.

*Seramai 50 staf Trienekens menyertai "Larian Live Active tHe Spring" awal Julai lalu. Dianjurkan oleh Pusat Membeli-belah tHe Spring, acara tahunan itu bertujuan untuk mengalakkan orang ramai berkumpul dan berseronok sambil mempromosi kehidupan sihat dan cergas.*

# Giving Back To The Community
## Menyumbang Kembali Kepada Komuniti

Trienekens' long tradition of community support attest to the fact that this philosophy is deeply entrenched in its corporate culture. With the aims of building a healthy, safe and environmentally sustainable community, the company's Corporate Social Responsibility (CSR) plan includes a wide scope of programmes aligned to its corporate vision, mission and policies. As part of its corporate initiatives, Trienekens' Corporate Communications Division recently rolled out several CSR activities involving community development and philanthropy.

*Tradisi lama Trienekens dalam menyokong masyarakat membuktikan falsafah ini sudah termaktub di dalam budaya korporatnya. Bermatlamat untuk membina masyarakat yang sihat, selamat dengan alam sekitar yang lestari, pelan CSR Trienekens menggariskan skop program yang luas dan selari dengan visi, misi dan polisi korporat syarikat. Sebagai sebahagian daripada inisiatif korporatnya, Bahagian Komunikasi Korporat Trienekens telah menganjurkan beberapa aktiviti CSR melibatkan pembangunan komuniti dan amal.*

### Working With Kampung Seratau / Berganding Bahu Dengan Kampung Seratau




For the sixth consecutive year, Trienekens hosted a "gotong-rotong" (work party) for residents of Kampung Seratau. Activities of the day included repair and upgrading works of the village community hall, besides painting of the nearby St Francis Xavier Church. Village Head, Lambert Anthony thanked Trienekens for their ongoing support and expressed his hope that the good relations between the two parties would continue to prosper over the coming years. Also present were Trienekens' Chief Operating Officer, Alice Lee and Senior Manager of Corporate Affairs, Katherine Kong.

*Untuk ke-enam kalinya tahun ini, Trienekens telah menganjurkan sesi gotong-royong bersama para penduduk Kampung Seratau. Aktiviti-aktiviti pada hari tersebut melibatkan kerja-kerja pembaikan dan penaiktarafan dewan masyarakat kampung dan mengecat Gereja St. Francis Xaview. Ketua Kampung Lambert Anthony berterima kasih dengan Trienekens di atas sokongan mereka yang berterusan dan berharap hubungan baik di antara kedua pihak akan terus kekal di masa akan datang. Turut hadir adalah Ketua Pegawai Operasi, Alice Lee dan Pengurus Kanan Hal-Ehwal Korporat, Katherine Kong.*

## Beach Cleaning In Bintulu / Membersih Pantai Di Bintulu






HAPPY TO HELP... Trienekens Bintulu Branch staff at the event.
*SEDIA MEMBANTU... Kakitangan Trienekens Cawangan Bintulu yang bertugas semasa acara.*

Staff of Trienekens' Bintulu Branch recently joined a beach cleaning activity organised by the Malaysia LNG Group of Companies (MLNG) and Sarawak Forestry Corporation (SFC), under their joint project – Biodiversity, Environment, and Conservation (BEACON). Held at the Similajau National Park, the event was in conjunction with the closing ceremony of the annual BEACON "Friends of Nature" camp, which was attended this year by students and teachers from six different secondary schools.

*Staf Trienekens Cawangan Bintulu baru-baru ini telah menyertai aktiviti pembersihan pantai anjuran Kumpulan Syarikat Malaysia LNG (MLNG) dan Badan Perhutanan Sarawak (SFC), di bawah program anjuran bersama mereka – Biodiversiti, Alam Sekitar dan Pemuliharan (BEACON). Diadakan di Similajau National Park, acara adalah sempena majlis penutupan kem tahunan "Rakan Alam Sekitar" BEACON yang dihadiri oleh para pelajar dan guru dari enam buah sekolah menengah.*

## Charitable Contributions / Sumbangan Amal

An important part of Trienekens' CSR plan involves philanthropic initiatives in support of worthy causes. The company's corporate philanthropy range from direct contributions to gift programmes, technical expertise or provision of services.

*Sebahagian penting daripada pelan CSR Trienekens melibatkan inisiatif dermawan yang membantu mereka yang memerlukan. Kerja-kerja amal syarikat merangkumi pemberian sumbangan, hadiah-hadiah, kepakaran teknikal atau bantuan perkhidmatan.*




Trienekens recently supported the "World Psoriasis Charity Run", which was organised by the Department of Dermatology, Sarawak General Hospital under the auspice of the Malaysian Medical Association (Sarawak Branch). Through the event, the organisers hoped to raise public awareness on Psoriasis, a debilitating skin condition, while also raising funds for charitable organisations; The Society for Critically Sick Children (SOS Kids), Salvation Army Boys Home and the Sarawak Hearing & Aural Rehabilitation Society (Sarawak Hear). Trienekens' Corporate Communications Executive, Anthea Lee (left) handed over the company's contribution to the event's organising chairman, Dr Pubalan Muniandy.

*Trienekens telah menghulur sumbangan kepada "Larian Amal Psoriasis Dunia" dianjurkan oleh Jabatan Dermatologi, Hospital Umum Sarawak di bawah naungan Persatuan Perubatan Malaysia (Cawangan Sarawak). Melalui acara tersebut, pihak penganjur berharap untuk meningkatkan kesedaran awam tentang psoriasis, penyakit kulit yang melemahkan, sambil mengumpul dana untuk badan-badan amal; The Society for Critically Sick Children (SOS Kids), Salvation Army Boys Home and the Sarawak Hearing & Aural Rehabilitation Society (Sarawak Hear). Eksekutif Komunikasi Korporat Trienekens, Anthea Lee (kiri) menyerahkan sumbangan syarikat kepada pengerusi jawatankuasa anjuran, Dr. Pubalan Muniandy.*




COUNCIL SUPPORT... Trienekens was recently a corporate sponsor to several events organised by local authorities including Kuching North City Hall's (DBKU) "Siol Mountain Bike Challenge", and Bintulu Development Authority's (BDA) "Borneo International Kite Festival". (extreme left) Division Manager for Logistics Maintenance, Behui Longe and (extreme right) Bintulu Branch Division Manager, Patricia Susie Nyisong handed over the company's contributions to the Council representatives.

*SOKONGAN KEPADA MAJLIS TEMPATAN...Trienekens merupakan penaja korporat untuk beberapa acara anjuran pihak berkuasa tempatan seperti "Siol Mountain Bike Challenge" anjuran Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan "Borneo International Kite Festival" oleh Lembaga Pembangunan Bintulu (BDA). (hujung kiri) Pengurus Bahagian Penyelenggaran Logistik, Behui Longe dan (hujung kanan) Pengurus Bahagian Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong menyerahkan sumbangan kepada wakil-wakil pihak majlis tempatan.*




FOR THE KIDS... (left photo) Senior Manager of Logistics & Services, Sarius Lee hands over the company's contribution to a representative of Tabika KEMAS Sungai Tapang, while (right photo) CSR Department Manager, Janet Balong hands over hampers of electical goods to a representative of SK Taba Sait. Both schools recently organised charity fundraisers supported by Trienekens.

*UNTUK KANAK-KANAK...(foto kiri) Pengurus Kanan Logistik & Servis, Sarius Lee menyampaikan sumbangan kepada wakil Tabika KEMAS Sungai Tapang, sementara (foto kanan) Pengurus Jabatan CSR, Janet Balong menyerahkan hamper barangan elektrik kepada wakil SK Taba Sait. Kedua-dua sekolah tersebut menganjur acara amal yang disokong oleh Trienekens.*





A representative from SK St Augustine Mambong receives hampers from Trienekens' Department Manager of Landfills, Julius Salok Kassy (left photo), in support of the school's sports day while (right photo) a committee member of Kampung Seratau's Women's Bureau receives electrical goods from Corporate Communications Division Manager, Julan Yu Abit in support of the village's annual charity gala dinner.

*Wakil SK St. Augustine Mambong, menerima hamper dari Pengurus Jabatan Tapak Pelupusan, Julius Salok Kassy (foto kiri,) sempena sambutan hari sukan sekolah tersebut, sementara (foto kanan), wakil jawatankuasa Biro Wanita Kampung Seratau menerima sumbangan barangan elektrik dari Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat, Julan Yu Abit sempena majlis makan malam amal kampung tersebut.*

# Promotions / Kenaikan Pangkat



**Muhammad Naufal Bin Nahari**
Senior Executive, HSE
*Eksekutif Kanan, HSE*



**Timothy Kumaran Marimuthu**
Senior Executive, Business Development (Scheduled Waste)
*Eksekutif Kanan, Pembangunan Perniagaan (Sisa Terjadual)*

# New Team Members / Tenaga Kerja Baru

## Kuching Headquarters & Depot / Ibu Pejabat Kuching & Depot



**Lee Ghee Seng**
Division Manager, Logistics & Services
*Pengurus Bahagian, Logistik & Perkhidmatan*

# Spot the Difference / Carikan Perbezaan



Spot and circle all 10 differences in the photos below and win a SONY Walkman Digital Media Player.
*Cari dan bulatkan kesemua 10 perbezaan di dalam gambar-gambar berikut dan menangi satu Pemain Media Digital Walkman Sony.*







Congratulations to Elsie Jane Tiran, winner of last issue's Spot the Difference contest. Elsie receives her prize from Chief Operating Officer, Alice Lee.

*Tahniah kepada Elsie Jane Tiran, pemenang peraduan Cari Perbezaan isu lepas. Elsie menerima hadiahnya dari Ketua Pegawai Operasi, Alice Lee.*

Please send in your entry to the following address before **15 May 2018**. Late entries will not be entertained.
*Sila kembalikan penyertaan anda ke alamat berikut sebelum* **15 Mei 2018**. *Penyertaan lewat tidak akan dilayan.*

**Corporate Communications Division,**
**Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.**
216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching, Sarawak.

Personal Details/ *Butiran Peribadi*

Name/*Nama* ..........................................................................

IC No./*No. KP* ..........................................................................

Are you a Trienekens Staff ?/*Adakah anda pekerja Trienekens?* ☐ Yes/*Ya* ☐ No/*Tidak*

(If yes / *Jika ya*) Trienekens' Employee No. / *No. Pekerja Trienekens:* ..........................................

Address/*Alamat* ..........................................................................

..........................................................................

Tel. No./*No. Tel* ..........................................................................

**Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.** (485296-V)
"Your Powerful Partner In Environmental Management"

**Headquarters (Kuching)**
216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6082 610700
Hotline : +6082 612300
Fax : +6082 620120
Email : customercare@trienekens.com.my

**Bintulu Branch & Depot**
Lot 4034 Block 26,
Kemena Land District,
Kidurong Industrial Estate,
Jalan Tanjung Kidurong
97000 Bintulu,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6086 253959
Fax : +6086 253115
Email : customercare@trienekens.com.my

www.trienekens.com.my